



**GARISPANDUAN UNTUK BANGUNAN  
INDUSTRI DI KAWASAN  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Disediakan Oleh :-

Jabatan Perancang Bandar,  
Tingkat 2, Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya.

Diluluskan Pada : 28/10/1991  
Telefon : 03-79563544  
Samb. 354 / 356 / 358 / 359  
Fax : 03-79588392

- 1) JENIS KEGUNAAN TANAH : Di kawasan yang disyaratkan untuk kegunaan industri sahaja.
- 2) SAIZ LOT INDUSTRI : Saiz tapak kurang daripada satu ekar.
- 3) NISBAH KELUASAN (PLINTH AREA) : Nisbah keluasan (Plinth Area) dihadkan kepada hanya 50% maksima bagi pembangunan baru dan 10% untuk tambahan lantai baru kepada bangunan sedia ada.
- 4) ANJAKAN BANGUNAN : Anjakan bangunan 20' minima hendaklah diadakan di sekeliling bangunan.
- 5) NISBAH PLOT : Dibenarkan berdasarkan kepada kiraan plot ratio 3 maksima
- 6) BILANGAN TINGKAT : Ketinggian maksima 4 tingkat.

\* Catatan

Ketinggian bangunan boleh dibenarkan sehingga 6 tingkat dengan syarat, tingkat bawah (aras tanah) dan tingkat satu hendaklah digunakan sepenuhnya untuk tujuan tempat letak kereta/motosikal, kemudahan surau, kantin, kawasan rekreasi dan lain-lain kemudahan pekerja.

(Ketinggian bangunan dikira dari aras tanah (groundfloor) level).

Had ketinggian bangunan ditetapkan tidak melebihi 80.5 kaki.

- 7) KEMUDAHAN PEKERJA : Kemudahan-kemudahan pekerja seperti kantin, surau, pusat rekreasi hendaklah diadakan dalam bangunan kilang

8) NISBAH RUANG LANTAI PEJABAT/JUMLAH RUANG LANTAI BANGUNAN : Jumlah ruang lantai pejabat hendaklah tidak melebihi 30% dari jumlah ruang lantai bangunan.

\* Hanya aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan bangunan kilang berkenaan sahaja dibenarkan dijalankan dalam ruang pejabat yang dicadangkan.

9) SENITAMAN : 10% daripada keluasan tapak cadangan hendaklah dilandskap. Tapak landskap hendaklah dibinakan hijau (purely green).

Keluasan tapak kawasan landskap hendaklah ditandakan di dalam pelan.

Pelan landskap yang lengkap dan disahkan oleh Akitik landskap berdaftar sahaja akan diluluskan oleh Majlis.

## 10) TEMPAT LETAK KERETA

### 1.0 KEGUNAAN INDUSTRI :

a) 1 Tempat Letak Kereta bagi setiap 139.0 mp. (1,500 kp) dicampur 20% dari jumlah tempat letak kereta untuk pelawat.

b) 2 Tempat Letak Lori atau 1 Tempat Letak Lori bagi setiap 929.0 mp. (10,000 kp).

c) 1 Tempat Letak Motosikal bagi setiap 93.0 mp. (1,000 kp) dicampur 20% dari jumlah tempat letak motosikal untuk pelawat.

### 1.1 RUANG PEJABAT (YANG BERKAITAN DENGAN KEGIATAN INDUSTRI)

a) 1 Tempat Letak Kereta bagi setiap 46.0 mp (500 kp) dicampur 20% dari jumlah tempat letak kereta untuk pelawat.

b) 0.6 Tempat Letak Motosikal bagi setiap 93.0 mp (1,000 kp) dicampur 10% dari jumlah tempat letak motosikal untuk pelawat.

11) TEMPAT PEMBUANGAN  
SAMPAH

: Tempat pembuangan sampah hendaklah ditempatkan di kawasan yang mudah untuk perkhidmatan pengangkutan.

12) LAIN-LAIN SYARAT

: Mematuhi lain-lain keperluan teknikal Majlis.

SMSr./KY/zz